

8 JUN 2017

Warga Argentina sorok kokain RM1.2j dalam bagasi diberkas

Warga Argentina sorok kokain RM1.2j dalam bagasi diberkas

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN /BH]



Mohd Mokhtar (dua dari kiri) menunjukkan rampasan kokain RM 1.2 juta pada sidang media di Bukit Aman, semalam.

Kuala Lumpur: Seorang lelaki warga Argentina dipercayai keldai sindiket dadah antarabangsa, ditahan bersama 4.8 kilogram (kg) kokain bernilai RM1.2 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Isnin lalu.

Tangkapan pada jam 6 petang itu dibuat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) menerusi elemen Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING), hasil perkongsian maklumat dengan polis Lapangan Terbang Sao Paolo, Brazil.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata dadah yang dibalut plastik tebal ditemui dalam ruang tersembunyi dalam bagasi pakaian yang dibawanya.

Katanya, siasatan mendapati suspek berusia 38 tahun menaiki penerbangan transit dari Brazil ke Addis Ababa, Ethiopia kemudian ke Singapura sebe-

lum tiba di Malaysia.

Ada dokumen perjalanan sah

"Kami turut merampas wang tunai AS\$4,000 daripada suspek. Berdasarkan siasatan, suspek masuk ke negara ini sebagai pelancong dan mempunyai dokumen perjalanan sah.

"Kokain itu dipercayai untuk diekspor ke negara jiran kerana dadah jenis itu tidak digunakan di negara ini, namun siasatan lanjut masih dilakukan," katanya pada sidang media di Bukit Aman di sini, semalam.

Mohd Mokhtar berkata, tangkapan itu adalah yang pertama membabitkan warga Argentina dan bekalan dadah yang dibawa mampu menampung permintaan 24,000 pengguna.

Suspek direman seminggu sehingga 12 Jun ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.